

26/04/1998

PM gesa wujud lebih banyak projek ekonomi

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu lebih banyak kegiatan ekonomi diwujudkan bagi membantu merangsang pertumbuhan ekonomi serta menambah kewangan negara.

Sambil meminta pemilik konsesi lebuhraya lain mencontohi Projek Lebuhraya Utara-Selatan Berhad (Plus) membina restoran jejantas, Perdana Menteri berkata, pembinaan restoran itu adalah antara kegiatan yang mampu menyumbang pertumbuhan ekonomi dan pendapatan negara.

Dr Mahathir membuat gesaan itu ketika merasmikan restoran jejantas Sungai Buloh milik Plus dekat sini, semalam. Turut hadir, Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, Menteri Besar, Datuk Abu Hassan Omar, Pengerusi Plus, Tan Sri Raden Soenarno Al-Haj dan Naib Presiden Eksekutif United Engineers Malaysia Bhd (UEM), Tan Sri Halim Saad.

Restoran jejantas di Kilometer 458.4 dan berharga RM26 juta itu, dibina pada 1995 sebelum dibuka November lalu. Plus juga mempunyai satu lagi restoran jejantas di Kilometer 210 dekat Air Keroh, Melaka yang dijangka beroperasi Jun ini.

Pelbagai kemudahan disediakan di restoran itu termasuk tandas awam, stesen minyak, surau dan mesin ATM.

Dr Mahathir berkata, selain memberi kemudahan lebih selesa kepada pengguna lebuhraya, jejantas itu juga menyediakan peluang untuk mengembangkan pelbagai kegiatan perniagaan.

Menurut Perdana Menteri, mengadakan kedai di atas jambatan juga dapat menarik pelawat.

Beliau memberi contoh kedai di kiri kanan di jambatan yang melintasi sebuah terusan di Venice, menarik minat ramai orang untuk membeli-belah di situ, walaupun ia jambatan lama.

Perdana Menteri berkata, idea membina jejantas di lebuhraya di negara ini juga tercetus ketika beliau menggunakan lebuhraya dari Lapangan Terbang Ohare ke Bandaraya Chicago, Amerika Syarikat.

"Inilah jejantas pertama melintasi lebuhraya yang saya lihat. Jadi teringatlah saya mengapa kita tidak boleh mengadakan projek semacam ini di lebuhraya di negara kita," katanya.

Dengan pembinaan restoran jejantas itu, katanya, kemudahan di lebuhraya negara ini juga setanding dengan lebuhraya di Amerika Syarikat dan Eropah.

Dr Mahathir berkata, meskipun Plus mempunyai kawasan rehat, kedai makan dan hotel kecil di sepanjang lebuhraya itu, lokasinya agak terasing.

"Masa saya cadangkan idea itu, kita tidak gawat apa-apa. Namun, Plus masih mampu menyiapkan jejantas seperti ini dan saya ucapkan tahniah," katanya.

Beliau turut mencadangkan diadakan pertandingan memilih restoran jejantas yang memberi perkhidmatan paling baik. Pertandingan itu boleh diadakan selepas banyak restoran seumpama itu diwujudkan.

(END)